

Selenggara sistem saliran elak banjir lebih buruk

KOTA RAJA - Kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta menyelenggarakan sistem saliran di Parlimen ini yang didakwa antara faktor berlakunya banjir di beberapa kawasan, di sini, kelmarin.

Penyelaras BN Parlimen Kota Raja, R S Maniam berkata, sistem saliran yang dipenuhi sampah telah menyekat aliran air menyebabkan ia melimpah jika hujan lebat berlaku.

Menurutnya, walaupun kejadian itu disyaki mempunyai kaitan dengan air laut pasang, namun jika sistem saliran diselenggarakan dapat mengelakkan banjir lebih buruk.

"Kita simpati dengan nasib penduduk yang terpaksa berdepan banjir hingga memasuki kediaman mereka.

"Apatah lagi banjir ini kali kedua

melanda kawasan itu hingga kira-kira 400 hingga 500 keluarga menjadi mangsa," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau ditemui semasa turun pandang ke Kampung Baru Hicom mengagihkan kira-kira 500 bungkus makanan kepada mangsa banjir bersama pimpinan BN Bahagian Kota Raja untuk sesi malam dan pagi.

Berhubung banjir kelmarin, R S Maniam yang juga Ketua MIC Bahagian Kota Raja berkata, pihaknya menerima maklumat air mula melimpah ke kawasan kediaman penduduk sekitar jam 8 malam berikutan hujan lebat bermula jam 4 petang.

Katanya, kawasan yang dilanda banjir adalah Kampung Baru Hicom, Desa Kemuning dan Jalan Kebun.

"Ini banjir kali kedua berlaku selepas banjir pertama kira-kira setahun lalu. Walaupun kali ini air masuk ke dalam rumah penduduk, namun rata-rata mangsa enggan berpindah kerana khuatir barangan berharga yang bakal ditinggalkan hilang.

"Jadi mereka bertegas untuk tinggal sambil berjaga dengan harapan air akan surut dalam jangka masa pendek. Saya mendapat maklumat air di kawasan itu surut sepenuhnya sekitar jam 3 petang keesokannya," katanya.

Beliau berkata, bagi mengurangkan beban kewangan yang ditanggung mangsa banjir, pihaknya berusaha mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Maniam (tengah) membantu mengagihkan di Kampung Baru Hicom, awal pagi kelmarin